

## **BAB TIGA**

### **HUBUNGAN ISLAM DENGAN BARAT**

#### **3.1 Pengenalan**

Bagi yang tidak mendalami kebenaran sejarah atau hanya mempelajari sejarah dari sumber Barat semata-mata pantas mempunyai persepsi (atau persangkaan) bahawa Islam dan Barat merupakan musuh tradisi sejak takdir mempertemukan mereka sebagai pemerintah atau kuasa besar pada zaman dahulu. Persepsi sebegini wujud dalam fikiran banyak pihak. Keadaan ini diparahkan lagi dengan persepsi meluas terhadap imej Islam, bukan sahaja di kalangan bukan Islam (terutamanya orang Barat) bahkan juga di kalangan orang Islam sendiri bahawa Islam adalah sinonim dengan kehidupan konservatif, fundamentalis, tidak bertamadun (*barbaric*), tidak progresif dan ajarannya tidak selari dan bersesuaian dengan tuntutan kemodenan. Dan yang kembali dihangatkan kini ialah Islam merupakan angkara sebenar di sebalik kegiatan terrorisme antarabangsa. Sementara itu, pada masa yang sama, Barat pula dimartabatkan sebagai sebuah peradaban agung dengan segala macam pencapaian, khususnya dalam lapangan material dan pemikiran serta sistem hidup.

Begitulah antara sekian banyak persepsi yang bersarang dalam minda masyarakat dunia hari ini terhadap Islam dan Barat serta hubungan berkonflik yang wujud antara kedua-dua pihak ini. Namun persepsi sebegini nyata tidak seimbang kerana ia lebih memberikan kesan malang terhadap Islam dan umat Islam keseluruhannya. Tren ini bukanlah suatu yang tidak berasas tetapi bersandarkan kepada kekerapan dan keluasan liputan atau paparan media, khasnya media antarabangsa yang dikuasai pihak Barat.

Umum menyedari bahawa dalam senario dunia tanpa sempadan hari ini, yang dipacu oleh kecanggihan ICT dan telekomunikasi satelit, persekitaran dunia lebih dicorakkan oleh budaya dan gaya hidup moden-Barat. Justeru, usaha pengimejan Islam boleh dianggap berasal atau bersumberkan, kebanyakannya, dari kalangan sarjana Barat dan pro-Barat dalam bidang seperti kajian timur (orientalisme), sains politik, sejarah dan agama serta melalui tulisan atau laporan media itu sendiri.<sup>1</sup> Ini bertujuan mewujudkan pandangan umum yang seragam atau sepihak di seluruh dunia demi kepentingan strategik dan negara Barat itu sendiri.

Bab ini akan cuba menghuraikan persoalan hubungan Islam-Barat ini agar kita mendapat gambaran sebenar melalui fakta sejarah sendiri, sama ada melalui sumber Islam mahupun Barat, mengenai hubungan kedua-dua pihak ini yang sentiasa diwarnai dan dilakari oleh konflik dan permusuhan. Sebagai pelengkap, punca-punca konflik juga akan turut dikaji agar kita dapat meletakkan isu ini pada perspektifnya yang sebenar.

---

<sup>1</sup> Lihat laporan bengkel JUST, *Terrorising The Truth: The Shaping of Contemporary Images of Islam and Muslims in Media, Politics and Culture* (Penang: Just World Trust, 1997), hlm 30-31 mengenai dominasi media Barat dalam mewujudkan pandangan umum dunia.

### 3.2 Sejarah Hubungan Islam dengan Barat : Silam dan Semasa

Hubungan Islam dengan Barat telah mula terjalin pada zaman awal kelahiran Islam sebagai sebuah agama dan negara. Hubungan ini dikesan mula terjalin semenjak zaman Muhammad s.a.w. masih hidup iaitu pada akhir hayatnya ketika menjadi ketua negara Islam pertama di Madinah. Perhubungan ini pada peringkat awalnya telah berlangsung dengan baik tanpa sebarang krisis. Murad Hofmann mencatatkan bermulanya perhubungan diplomatik rasmi antara kerajaan Islam dengan pemerintah Barat apabila Muhammad s.a.w. mengutus surat kepada Heraclius, maharaja empayar Roman Timur (610-641 M) dan telah mempelawa beliau untuk menerima Islam yang menawarkan kebaikan bagi diri mereka sebagai pemimpin kerajaan dan juga bagi rakyat mereka.<sup>2</sup> Surat tersebut yang telah diutus pada 11 Mei, tahun 628 M telah mendapat sambutan baik daripada Heraclius.<sup>3</sup> Baginda mengutusi pelawaan itu kepada pemimpin kerajaan Barat klasik itu sebagai suatu kewajiban berdakwah yang *tertaklif* ke atas bahu baginda dan semua umat Islam yang berkeelayakan.<sup>4</sup>

Episod mesra-*mad'u* oleh Islam ke atas kaum bukan Islam ini turut diakui oleh W. Montgomery Watt dalam tulisannya bertajuk *Islam and The West*. Beliau

---

<sup>2</sup> Lihat Hofmann, Murad. *Islam The Alternative*. Terjemahan Dr Christiane Banerji (Reading UK: Garnet Publishing Ltd, 1993), hlm. 1

<sup>3</sup> Siraj Islam Mufti, *Urgency of Paradigm Shift for the West's Relationship with Muslims* dalam dipetik daripada Islamonline.net, 28 December 2001. ([www.themodernreligion.com/assault/paradigm-shift.html](http://www.themodernreligion.com/assault/paradigm-shift.html)). Juga lihat Martin Lings, *Muhammad His Life Based on The Earliest Sources* (Kuala Lumpur: Foundation for Traditional Studies and A.S. Nordeen, 1993) hlm. 260

<sup>4</sup> *Dakwah ilallah* adalah kewajipan (fardhu) kifayah sebagaimana dijelaskan dalam al-Quran ayat 104, Surah Ali-Imran, bermaksud: "*Hendaklah ada di antara kamu suatu golongan yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh memperbuat kebajikan, melarang daripada kejahatan*". Kupasan mendalam tentang hal dan isu dakwah dan pelaksanaannya boleh dirujuk daripada kitab *Dasar-dasar Ilmu Da'wah* tulisan Dr. 'Abdul Kareem Zaidan. Kitab ini ditulis dalam dua jilid, diterbitkan dalam Bahasa Indonesia, setelah diterjemah H.M.Asywadi Syukur Lc., dan diterbitkan semula oleh Dewan Pustaka Fajar, Shah Alam.

menyatakan “*When Muhammad and his followers first met Christians they were welcomed in friendly fashioned, and some passages of the Qur’an reciprocate this friendly attitude.*”<sup>5</sup>

Sepanjang kira-kira 1000 tahun kemudian dunia yang diungguli kuasa peradaban Islam memperlihatkan pengaruh Islam semakin meluas dan ia telah membuka lebih banyak wilayah baru untuk disinari oleh rahmat dan hidayah Islam sehingga berjaya meliputi dua pertiga Eropah. Perhubungan Islam dengan kuasa Barat (Eropah ketika itu) terus berlaku dengan baik dalam bentuk perdagangan dan pertukaran ilmu. Namun perhubungan aman ini kemudian bertukar menjadi sebaliknya. Di peringkat awal, sesekali beberapa peperangan kecil telah berlaku, misalnya, sebelum kewafatan Muhammad s.a.w. tentera Islam menyerang sekutu Kristian daripada empayar Byzantine. Peristiwa ini telah menukar persepsi dan perasaan kedua-dua belah pihak kepada kebencian dan dendam. Sungguhpun begitu, kaum Kristian natif di Mesir menyambut baik serangan tentera Islam kerana telah membebaskan mereka daripada cengkaman empayar Greek Byzantine yang mereka benci selama ini.<sup>6</sup>

Titik peralihan penting yang mempengaruhi perhubungan Islam dengan Barat ialah tercetusnya peristiwa Perang Salib yang berlangsung kira-kira 200 tahun lamanya. Bermula dengan pertembungan di medan Perang Salib pertama pada 1097 M, perhubungan kedua belah pihak kemudiannya lebih diwarnai oleh pertembungan bersemuka yang memakan banyak korban nyawa dan kemusnahan harta benda.

---

<sup>5</sup> Lihat W.M.Watt, “Islam and The West” dlm *Islam in the Modern World*, Denis MacEoin dan Ahmed Al-Shabi, ed. (Kent: Croom Helm Ltd, 1983), hlm. 1

<sup>6</sup> *Ibid.*

Karen Armstrong menggambarkan dendam dan kebencian Eropah terhadap Islam dalam bukunya *Holy War The Crusades and Their Impact on Today's World* dengan memetik kata-kata Pope Urban II yang berucap kepada perwira Eropah pada 5 November 1095 di *Council of Clermont*. Dalam ucapan tersebut, Pope Urban II mencirikan musuh Tuhan iaitu orang Islam Turki sebagai “*an accursed race, a race utterly alienated from God, a generation, forsooth, which has neither directed its heart nor entrusted its spirit to God.*”. Katanya lagi membunuh orang Turki ini adalah satu tugas suci. Maka adalah menjadi tanggungjawab seorang Kristian untuk “*exterminate this vile race from our lands.*”<sup>7</sup>

Siri Perang Salib yang melibatkan lapan kali<sup>8</sup> peperangan telah dilakukan oleh tentera Salib ke atas wilayah-wilayah atau tanah Arab dan juga Konstantinopel telah menyebabkan kuasa Islam mula terjejas. Namun, serangan kuasa Barat ini tidak berakhir dengan kemenangan mutlak ke atas tentera Salib. Bahkan tentera Islam masih dapat menguasai Jerusalem atau Palestin yang merupakan matlamat utama tentera Salib ini. Kekalahan tentera Salib sebaliknya memberi pengajaran kepada kuasa Barat mengenai kekuatan sebenar kuasa Islam yang terletak pada keimanan bulat mereka terhadap Allah s.w.t sebagai sumber kehidupan di dunia dan akhirat.<sup>9</sup> Kesan perang ini turut membuka

---

<sup>7</sup> Karen Armstrong, *Holy War The Crusades and Their Impact on Today's World* (Anchor Books: New York, 2001), hlm. 1

<sup>8</sup> Tiga yang pertama (1096, 1147, 1189 M) disasarkan ke atas Syria, termasuk Palestin. Yang keempat (1024M) ke atas Konstantinopel, manakala yang kelima, keenam dan ketujuh (1218, 1244, 1250 M) ke atas Mesir. Siri terakhir (1270 M) dihalakan ke atas Tunisia. Lihat Ahmad Y. Al-Hassan, “Factors Behind the Decline of Islamic Science After the Sixteenth Century” dlm *Islam and The Challenge of Modernity: Historical and Contemporary Contexts*, Sharifah Shifa Al-Attas, ed. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), Kuala Lumpur, 1996, hlm. 372.

<sup>9</sup> Bagi melemahkan keimanan umat Islam ini, Barat telah menggunakan pendekatan baru iaitu menyerang psikologi umat Islam dengan meracuni pemikiran dan jiwa umat Islam. Melalui kaedah yang juga disebut sebagai penjajahan pemikiran ini, kekuatan dalaman umat Islam sedikit demi sedikit berjaya dilumpuhkan.

mata mereka tentang kegemilangan peradaban Islam dari segi kebudayaan, ilmu dan juga sifat keinsanan yang dipamerkan oleh tentera Islam sepanjang pertempuran berlaku. Hubungan dan kesan perang antara Islam dan Barat ini, sebagai pulangnya, banyak memanfaatkan pihak Barat<sup>10</sup> untuk dibawa pulang dan seterusnya menjadi katalis kepada perkembangan baru peradaban Barat di Eropah semenjak abad ke-13 M.<sup>11</sup>

Kemerosotan peradaban Islam yang berlaku kerana serangan kuasa luar seperti tentera Mongol selain daripada kuasa Barat, faktor ekologi dan musibah alam semulajadi, penyusutan dan kehilangan perdagangan antarabangsa dan kekalahan kepada kuasa Barat, campurtangan ketenteraan dan penjajahan Barat<sup>12</sup> telah membuka ruang kebangkitan peradaban Barat. Selepas melewati Zaman Gelap, Eropah bangkit sebagai kuasa peradaban baru hasil daripada peristiwa *Renaissance* dan *Enlightenment* pada abad ke 15 M. Ketika ini, kuasa Barat telah mampu menundukkan keunggulan penguasaan Islam

---

Natijahnya, atas nama perkembangan dan pertukaran ilmu, budaya dan niat mencapai kemajuan, jati diri umat Islam dan negaranya telah terlucut dan terhakis apabila pemikiran dan gaya hidup mereka kini berkiblatkan kepada Barat. Lihat buku Anwar Al-Jundi, *Pengaruh Barat: Cabaran paling Merbahaya Kepada Umat Islam* (Kuala Lumpur: YADIM, 1983). Lihat juga buku *World Arrogance* tulisan Dr. Ahmad Zidan yang mengupas sebab musabab kemusnahan umat dan negara Islam akibat daripada perancangan jahat (konspirasi) kuasa Barat dan Yahudi. Salah satu faktor yang amat ditekankan ialah bagaimana kesatuan umat Islam yang dibentuk oleh *ukhuwah Islamiah* dan teraju khilafah Uthmaniah di Turki dihancurkan bagi memudahkan perpecahan satu demi satu wilayah Islam. Benih nasionalisme yang ditanam kuasa Barat berjaya meruntuhkan kesatuan umat Islam sedunia sehingga ke hari ini. Kenyataan oleh Bernard Lewis menonjolkan fakta ini: "...*The Othman Caliphate was, from the time of its founding until the time it fell, a state which devoted its power in the cause of advancing the prowess of Islam, and to protecting Islam from any foreign aggression, for six centuries were in continous war againts the Christians. Firstly in spreading Islamic rule over a major part of Europe, in which they were successful. Secondly in waging a long term defensive war in the face of European aggression. For these reasons the Othman Caliphate deserved such a great effort and took continous conspiracy from the Christians in order to fragmentate and destroy it. The first and most important objective in their conspiracy was "The bond of brotherhood in Islam", as this was the factor which unified all Muslims under the flag of the Othman Caliphate. The weakening of this religious bond and the replacement of it with nationalism was seen as the best way to stir division between Muslims and to break the prowess of the Caliphate and so cause its destruction*". Lihat Ahmad Zidan, hlm. 32-33

<sup>10</sup> Jeremy Black, ed. *World History* (UK: Parragon, 1999) hlm. 53

<sup>11</sup> Dr. Hans Koechlaer, *Muslim-Christian Ties in Europe: Past, Present and Future*, I.P.O. Research Papers, Second International Seminar on Civilizational Dialogue: "Japan, Islam and the West". Kuala Lumpur, 2-3 September 1996

<sup>12</sup> Ahmad Y. Al-Hassan, hlm. 368-384

didorong oleh dasar imperialismenya hampir seluruh dunia Islam kemudiannya ditakluki secara langsung oleh penjajah Barat. Kejatuhan Granada pada 1492 ke tangan Kristian Eropah menandakan berakhirnya penguasaan Islam di Eropah. Sungguhpun begitu, di bahagian timur Eropah, kemunculan kuasa khilafah Islam Uthmaniah Turki telah berjaya membuka Konstantinopel, pusat Kristian Timur pada 1453 M, tetapi juga berjaya meluaskan pembukaannya sehingga ke pintu Vienna pada 1683 M.<sup>13</sup>

Bibit-bibit kejatuhan kuasa Islam, terutamanya dalam lapangan politik mula kelihatan apabila wilayah Islam di sebelah timur sempadan Turki Uthmaniah terdedah kepada pentadbiran penjajah secara langsung atau dipecah-perintahkan oleh kuasa Barat di mana kuasa pemerintahan tempatan dihadkan. Manakala wilayah di sebelah barat pula mengalami nasib yang sama pada 1830 M apabila tentera Perancis mendarat di Algeria. Semenjak itu, kuasa Eropah berjaya menyempurnakan pembahagian Mesir dan Afrika Utara kepada koloni-koloni dan negeri-negeri naungan. Ini termasuklah penaklukan Perancis ke atas Tunisia pada 1881 dan pendudukan Britain di Mesir pada 1882. Lebih awal dari itu, kerajaan Melayu Melaka, sebagai pusat perkembangan Islam di nusantara dan dinaungi oleh khilafah Islam Turki, jatuh ke tangan Portugis pada 1511 M.

Kemudian, berikutan keruntuhan khilafah Islam Uthmaniah Turki selepas Perang Dunia I, kebanyakan negara Arab di Timur Tengah berada di bawah pentadbiran langsung Britain dan Perancis. Manakala kebanyakan wilayah Islam di Asia dan Afrika dikuasai kolonial Eropah. Sehingga Perang Dunia II perkembangan umat Islam dalam

---

<sup>13</sup> Dr. Hans Koechlar, hlm 3

ekonomi dan politik telah direncanakan bagi<sup>14</sup> menghalang kebangkitan kembali kuasa Islam di arena antarabangsa.

Selepas Perang Dunia II, wilayah Timur Tengah bermula dari Mesir dan Turki di Barat hingga Afghanistan di barat laut dan Yemen di selatan telah mengalami sekurang-kurang sepuluh peperangan utama dengan kuasa Barat. Mesir telah diserang oleh Britain dan Perancis pada tahun 1956 semasa krisis Suez. Manakala bumi Afghanistan menjadi medan perang jihad dengan tentera Rusia pada tahun 1980-an. Israel pula menghadapi perseteruan yang panjang dengan jiran Arabnya bermula dari tahun 1948 dan berterusan ke tahun 1956, 1967, 1973 dan 1982. Amerika Syarikat pula memimpin kempen perang membebaskan Kuwait daripada Iraq pada tahun 1990-91.<sup>15</sup> Walaubagaimanapun, perlu dinyatakan di sini bahawa hubungan konflik yang ketara ini terjadi di wilayah tertentu Asia Barat iaitu Iraq dan Palestin dan di benua India iaitu Afghanistan dan tidaklah meliputi seluruh dunia Islam lain seperti di Asia Tenggara misalnya di Indonesia dan Malaysia.

Kini, setelah memasuki alaf baru abad ke-21 hubungan yang terjalin antara umat Islam dengan Barat masih terus berada dalam keadaan berkonflik. Dalam fasanya yang baru, setelah kejadian September 11 lalu, Islam dan umat Islam telah menjadi seteru dan sasaran utama Barat dalam apa yang diistilah dan disyiharkan sebagai 'peperangan menentang keganasan' oleh Presiden Amerika Syarikat George W. Bush.

---

<sup>14</sup> Ahmad Y. Al-Hassan, hlm. 384-385

<sup>15</sup> Abbas Amanat, "Empowered Through Violence: The Reinventing of Islamic Extremism" dlm *The Age of Terror: America and the World After September 11*, Strobe Talbott dan Nayan Chanda, ed. (Basic Books: New York, 2001), hlm. 29



Pusat konflik dan bergolak kini ialah di Palestin dan bumi Iraq. Perkembangan mutakhir di bumi Palestin dan Iraq kini (setakat kajian ini dibuat) menunjukkan hubungan Islam Asia Barat dan Barat (AS dan sekutunya) seolah-olah tidak akan menemui titik damainya. Ini berikutan keganasan yang semakin menjadi-jadi, keterlaluan dan langsung hilang pertimbangan dan pedoman oleh tentera Barat atau regim yang didokongi Barat. Di Iraq misalnya, biarpun setelah setahun regim Saddam Hussein digulingkan oleh Tentera Bersekutu, namun pertempuran antara tentera penceroboh dengan penduduk Iraq Syiah dan Sunnah masih berterusan. Yang terbaru di Najaf dan Fallujah ialah kebangkitan penduduk Iraq. Sejak penentangan terbaru ini kira-kira 600 orang penduduk Iraq terbunuh, manakala di pihak tentera penceroboh pula ialah seramai 60 orang.

Di Palestin pula, tindak tanduk regim Zionis Israel yang direstui Amerika Syarikat tidak pernah berkesudahan. Regim haram Israel ini jelas kalis daripada sebarang resolusi apatah lagi tindakan ketenteraan PBB dan kecaman masyarakat antara bangsa. *Road map* dan berbagai pelan damai yang telah dirancang tidak satu pun mencapai matlamat sepenuhnya. Benarlah seperti kata almarhum Syeikh Ahmed Yasin bahawa *intifadha* ini tidak akan berkesudahan selagi bumi suci Palestin tidak dibebaskan dari pendudukan Israel. Pembunuhan dua orang pemimpin tertinggi HAMAS iaitu Syeikh Ahmed Yasin dan yang terbaru Ahmed Rantisi sudah tentu akan terus menyemarakkan perjuangan rakyat Palestin. Nyata sekali bahawa hubungan berkonflik antara Islam dengan Barat tidak pernah surut dalam peta politik dunia sehingga ke hari ini.

Berdasarkan kepada corak layanan dan sikap Barat terhadap Islam dan umatnya seperti yang dilaporkan oleh media antarabangsa dan NGO seperti Amnesty International dan seumpamanya, selain daripada cemuhan semua pertubuhan dan umat Islam seluruh dunia, jelas kelihatan bahawa Islam dan umatnya adalah di pihak yang defensif, manakala Barat di pihak yang ofensif. Fenomena ini terjadi kerana Barat adalah kuasa besar dunia yang angkuh dan bercita-cita meneruskan hegemoninya sehingga seluruh dunia ini jatuh ke telunjuknya.

### **3.3 Punca-punca Konflik Islam dengan Barat**

Kajian ke atas jatuh bangun peradaban mendapati pertembungan atau persaingan dengan kuasa asing sering menjadi faktor yang menyumbang. Konflik kepentingan yakni dalam persaingan menegakkan kerajaan atau berada di tampuk kekuasaan sama ada bersifat tempatan atau sejagat ini tidak berlaku melainkan didorongi nilai, pegangan atau anutan tertentu selain daripada aspek luaran seperti kekayaan ekonomi, kemasyhuran kuasa dan tuntutan agama. Berikut ialah punca-punca sedemikian yang telah bertanggungjawab mencetuskan konflik antara dua kuasa dunia ini sejak dahulu hingga kini.

### 3.3.1 Persepsi dan Psikologi Barat Terhadap Islam

Peradaban Barat berkembang pesat setelah melewati Zaman Gelap pada abad ke-12 M. Bermula di negara-negara Eropah, setelah kejatuhan kuasa gereja, sekularisme menjadi asas kepada kelahiran sains sebagai ‘agama’ baru yang memukau kepada masyarakat di sana. Setelah itu Barat tidak lagi menoleh ke belakang melainkan terus maju ke hadapan dalam semua lapangan kehidupan. Kini peradaban Barat adalah peradaban paling berpengaruh di dunia. Menerusi tajaan globalisasi dan agenda hegemoninya, peradaban Barat yang kini berpaksikan peradaban Amerika Syarikat ingin menguasai dunia melalui Taticara Baru Dunia (*New World Order*). Melalui polisi strategiknya Amerika Syarikat ingin menyebarkan budaya dan nilai hidup mereka ke serata dunia. Dalam konteks ini Fukuyama<sup>16</sup> menyatakan bahawa fahaman demokrasi dan ekonomi kapitalis sahajalah yang mampu menawarkan kehidupan yang sebenarnya kepada seluruh negara di dunia.<sup>17</sup>

---

<sup>16</sup> Pandangan beliau telah dikemukakan dalam bukunya bertajuk *End of History*. Pandangan Fukuyama ini mudah sahaja disanggah dengan melihat bagaimana negara-negara dunia ketiga seperti negara Amerika Latin dan benua Afrika yang telah lama menganuti ideologi demokrasi dan ekonomi kapitalis tetapi, sehingga ke hari ini, umumnya negara-negara tersebut masih lagi diselubungi oleh kemelut sosial, kemiskinan ekonomi dan kegawatan politik yang serius. Ini membuktikan bahawa ideologi demokrasi dan kapitalisme sahaja bukanlah sebagai ubat penawar kepada kemunduran bangsa dan negara. Ada faktor lain yang perlu dilihat, sesuai dengan latar belakang sosio-budaya dan keperluan tempatan. Ataupun, menurut penulis ialah negara-negara tersebut berhajatkan kepada sistem alternatif seperti sistem tajaan Islam. Sebagai pra-syarat penting lagi ialah tiadanya campur tangan asing dalam pelaksanaan sistem tersebut.

<sup>17</sup> Lihat Abdulhay Y Zalloum, “Neocolonialism Through Globalization” dlm. *Painting Islam As The New Enemy: Globalization and Capitalism in Crisis* (Batu Caves: Crescent News (KL) Sdn. Bhd., 2003), hlm. 127. Bukti kegagalan ekonomi kapitalis. “Poverty is now increasing at enormous rates in countries of the IMF-administered empire. In the rich country of Argentina, ten of thousands cross the poverty line weekly. “When night falls in Buenos Aires, poor Argentines start pawing through garbage outside restaurants, in search of their family’s next meal.... After a decade of free market reforms that dramatically improved the region’s physical infrastructure but failed to generate jobs, and poverty reduction, Latin Americans are losing faith in the virtues of open markets. Indeed Latin America seems to be slipping into another ‘lost decade’.”

Ajaran Islam yang inklusif sebagai satu sistem hidup yang terangkum dalam kalimah *ad-din* itu dilihat sebagai satu ancaman 'baru' kepada Barat sekular selepas luputnya komunisme. 'Gelombang hijau' Islam menjadi batu penghalang yang sangat berpotensi kepada penginstitutionian demokrasi-kapitalis-liberal Barat. Ancaman Islam adalah realiti yang menakutkan Barat. Kini, sebagai langkah pro-aktif dan *pre-emptive* dasar dan pelan tindakan baru telah digubal bagi menangani penularan dan perebakan ancaman ini – yang lebih terkenal dengan jolokan fundamentalis atau militan Islam.

Di tahap ini kita boleh merumuskan bahawa hubungan berkonflik Islam-Barat yang berterusan kini adalah kerana berpunca dari *Islamophobia* dan kejahilan mereka sendiri terhadap Islam. Banyak pengalaman di Barat membuktikan fenomena ini. *Arab News* di Jeddah mendedahkan satu contoh yang jelas bahawa *Islamophobia* adalah realiti sikap masyarakat bahkan kerajaan Barat itu sendiri ke atas Islam dan yang berkaitan dengannya.<sup>18</sup> *Arab News* melaporkan Mahkamah Hak Asasi Manusia Eropah telah memutuskan untuk mengekalkan penggantungannya mahkamah Turki ke atas Parti Kebajikan Islam (*Refah*) pimpinan Necmettin Erbakan. Keputusan yang memeranjatkan ini telah ditafsirkan sebagai “*institutionalized European Islamophobia*” kerana mahkamah yang sama akan memberikan keputusan yang berlainan jika misalnya Parti Sinn Fein Ireland atau sesetengah parti Irish Utara – parti yang diketahui umum mempunyai jaringan dengan kumpulan pengganas – membawa kes yang sama iaitu pengharaman atau penggantungannya oleh kerajaan kepada Mahkamah Hak Asasi Manusia Eropah tersebut. Ini disebabkan, sebagai mendokong prinsip kebebasan bersuara dan hak untuk berhimpun dan berpersatuan, mahkamah tersebut akan membatalkan keputusan

---

<sup>18</sup> *Islamophobia*, MWL Journal, Jumad Al-Aakhirah 1422 – September 2001, hlm. 48

mahkamah negara berkenaan. Namun ini tidak berlaku apabila kes ini membabitkan parti Islam. Pengalaman-pengalaman lepas menunjukkan dakwaan terhadap gejala “*institutionalized European Islamophobia*” pernah disuarakan. Pernah diisukan bahawa alasan sebenar mengapa Turki masih tidak dapat menyertai Kesatuan Eropah (EU) ialah kerana orang Turki beragama Islam.

Keadaan yang malang ini juga berlaku kerana suburnya prasangka negatif terhadap Islam. Herr Roman Herzog, Presiden Republik Persekutuan Jerman memperjelaskan lagi :

*“ This is borne out very clearly in our current relationship with Islam. It would hardly be doing in the German republic an injustice to claim that too many of us mainly associate terms such as ‘inhuman penal law’, ‘religious intolerance’, ‘suppression of woman’ and ‘aggressive fundamentalism’ with the word ‘Islam’. However we must revise this narrow view. Let us recall for a moment that six or seven hundred years ago there was a great Islamic enlightenment which brought a considerable amount of classical knowledge to the West and which in turn, found itself confronted with Western thinking which it must be regarded as quite fundamentalist and tolerant.”*<sup>19</sup>

Sikap serupa ini dijelaskan lagi Bernard Lewis :<sup>20</sup>

*“Medieval Christendom did, however study Islam, [but] for double purpose of protecting Christians from Muslim blandishments and*

---

<sup>19</sup> Ucapan beliau sempena penganugerahan ‘1995 Peace Prize of the German book Trade Association’ kepada Prof. Dr Frau Annemarie Schimmel, Frankfurt, 15 Oktober, 1995. Lihat Ismail Ibrahim, “The Image of Islam”, *Jurnal IKIM*, Vol. 4, No. 1, Jan/Jun 1996, hlm. 73

<sup>20</sup> Lihat Muhammad Abu Bakar, “Islam, Malaysia and Europe – Perceiving the Past, Perfecting the Future” dlm *The Islamic World and Europe : Some Issues*, Ismail Hj. Ibrahim dan Abu Bakar Abdul Majeed, ed. (Kuala Lumpur: IKIM, 1998) hlm. 50

*converting Muslims to Christianity. Christian scholars, most of them priests or monks, created a body of literature concerning faith, its Prophet, and his book, polemic in purpose and scurrilous in tone, designed to protect and discourouge rather than to inform”.*

Bernard Shaw memperkukuhkan lagi mengenai sikap jahat Barat ini dengan katanya:<sup>21</sup>

*“..the medieval ecclesiastics, either through ignorance or bigotry, pointed Muhammadism in the darkest colours. They were in fact, trained to hate the man Muhammad and his religion.”*

Sebenarnya psikologi Barat seperti ini boleh difahami sebagai natijah daripada pengalaman silam peradaban lama mereka iaitu peradaban Rom dan Greek yang tewas kepada kemaraan peradaban baru Islam hasil kegemilangan dakwah Muhammad s.a.w. Kesan psikologi ini berterusan hasil pengalaman perang tentera Eropah ke atas tentera Islam dalam Perang Salib, sepertimana dinyatakan oleh Muhammad Asad:<sup>22</sup>

*“They produced one of the deepest and most permanent impressions on Europes’s mass psychology. The universal enthusiasm they aroused in their time cannot be compared with anything that Europe had ever before experienced and with hardly anything that came afterwards. A wave of intoxication swept over the whole continent, an elation which overstepped, for some time at least, the barriers between states and nations and classes. It was then for the first time in history that Europe conceived itself as a unity and it was a unity against the world of Islam.”*

---

<sup>21</sup> *Ibid.*

<sup>22</sup> Muhammad Asad, *Islam at the Crossroads* (Kuala Lumpur: The Other Press, 1982), hlm. 46

Satu lagi faktor yang menyumbang kepada pengukuhan hegemoni Barat dan sekaligus menentukan tindakannya ke atas Islam ialah sikap taksub kepada diri di mana Barat menganggap ia sebagai penampilan akal dan cahaya tamadun, memiliki kecergasan dan tamadun sementara peradaban Timur (termasuk Islam juga) mewakili tahyul dan kegelapan, kelembapan dan kebiadaban.<sup>23</sup>

Dianuti sebagai ideologi dan doktrin, tanggapan sebegini menjadikan peradaban Barat sebagai pembawa obor kepada dunia gelap di Timur, sebahagian besarnya wilayah Islam. Kepercayaan ini menjelaskan mengapa bentuk hubungan Barat dengan Islam ialah berupa *la mission civilisatrice*.<sup>24</sup> Dalam hal ini Rudyard Kipling menghujahkan bahawa peranan Barat sebagai memenuhi tanggungjawab *The White Man's Burden* demi membawa cahaya kemajuan kepada dunia Islam yang relatifnya mundur. Malangnya atas alasan inilah seluruh pelosok dunia telah diredah dan dijajah. Selain daripada kemusnahan institusi sosio-politik tempatan, wujud juga fenomena negatif seperti perhambaan, pencemaran budaya dan kepercayaan penduduk tempatan yang dijajah.

### **3.3.2 Jenayah Akademik Barat Terhadap Islam**

Seperti yang telah dihuraikan sebahagiannya di atas, pihak Barat memang mempunyai sebab untuk memusuhi Islam. Sebab-sebab itu umumnya didorongi faktor ekonomi, politik dan agama. Motif ini (dikenali sebagai 3G iaitu *gold, glory and gospel*) jugalah

---

<sup>23</sup> Anwar Ibrahim, *Gelombang Kebangkitan Asia*, Edisi Bahasa Melayu (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), hlm. 29

<sup>24</sup> *Ibid.*

yang melatari usaha penjajahan Eropah ke atas dunia Timur termasuk wilayah-wilayah Islam atau wilayah di bawah pentadbiran khilafah Islam dahulu. Pada zaman kegemilangannya sekitar abad ke 8 – 13 M, Islam telah menjadi pesaing kuasa Barat dalam bidang ekonomi. Ketika itu Islam menjadi kuasa maritim yang mengawal jalan perdagangan laut. Semua hasil komoditi utama dunia seperti rempah ratus dikuasai oleh pedagang Arab Muslim sehinggakan pedagang Eropah terpaksa membeli dengan harga yang jauh berlipat kali ganda daripada mereka. Ini ditambah lagi dengan kejayaan Islam meluaskan kuasa politiknya sehingga merentasi benua ke sempadan Eropah di Sepanyol.

Dalam konflik berdarah yang terjadi setelah Barat memenangnya ke atas orang Islam, misalnya dalam beberapa siri Perang Salib, peristiwa pengambilan Jerusalem atau Palestin dan sebagainya, banyak tindakan balas yang tidak berakhlak, kejam dan tidak berperikemanusiaan yang melambangkan sikap fanatisme dan ketiadaan toleransi Barat dilakukan ke atas kaum Islam. Jenayah yang dilakukan memaparkan sikap tidak bertamadun tentera Barat dalam menundukkan musuhnya.

Namun bagi menutup jenayah kejahatan mereka, secara *reverse psychology*, pihak Barat telah menaburkan fitnah dan memomokkan Islam dengan imej, watak, dan rupa hitam sepanjang zaman. Islam menurut mereka adalah '*intolerant and fanatic*'. Perbuatan mereka ini telah didedahkan oleh banyak kajian sarjana Islam dan bukan Islam juga. Menurut Khurshid Ahmad sikap anti-Islam Barat adalah berpunca daripada anutan atau pegangan sekularisme mereka. Sebagai 'agama' baru, hasil pengalaman pemberontakan masyarakat Eropah terhadap penguasaan gereja, sekularisme telah memberikan nafas



baru kepada kehidupan masyarakat Eropah yang berasaskan kepada rasional dan kebebasan berfikir. Dalam hal ini Khurshid menyatakan :<sup>25</sup>

*“... as the modern western civilization was a revolt against the corrupt church of Europe, the pioneers of this civilization made it an article of faith to abuse and ridicule religion and by the end of the last century secularism, materialism and scienticism had firmly entrenched themselves in the western lands.”*

Amat terkesan dengan kehidupan terkongkong sebagai orang Kristian atau lebih tepat lagi pengalaman diperintah oleh kuasa gereja (negara teokrasi seperti istilah kini), orang Barat percaya agama (Kristian) menjadi punca sebenar kehidupan mundur, penetasan watak fanatik dan kezaliman dalam masyarakat mereka. Kenyataan Khurshid yang berikutnya menjelaskan fenomena ini :<sup>26</sup>

*“... one of the most commonly proffered allegations is that religion breeds intolerance. It is a relic of man's barbaric past. Fanaticism and religion have gone hand in hand. Human blood has been spilled in religious wars. Political liberty has been whittled by religious authorities. Intellectual freedom has no place in a religious state (which they very kindly Christen as “theocracy”) Science and religion have always been at daggers drawn with each other and you can adhere to anyone of them and not to both-for, religion is always antagonistics towards science. In short religion is out and out fanatic, blood-thirsty and intolerant and in the modern enlightened and civilized age there is no place for religion which is red in hand and claw.”*

---

<sup>25</sup> Khurshid Ahmad, *Fanaticism, Intolerance and Islam*, Edisi ke-5 (Lahore: Islamic Publications Ltd., 1981), hlm. 1

<sup>26</sup> *Ibid.*, hlm. 2

Malangnya, kesilapan terbesar mereka ialah apabila pemikir Barat membuat generalisasi bahawa semua agama mempunyai ciri dan kesan yang sama iaitu agama melahirkan sikap tidak bertoleransi, sepertimana agama mereka iaitu Kristian. Ini diperincikan oleh Khurshid seperti berikut :<sup>27</sup>

*“Western thinkers and publicist both mistook that certain form of Christianity (to be more exact, Churchianity! as the true religious type and derived the conclusion that religion is nothing but intolerance. Futhermore they pleaded that religion - any and every religion of course! – always engenders intolerance and fanaticism and as such, it should have no place in the civilized world. Whenever any attempt towards religious revival was made, it was dubbed as ‘fanatic’. And even now this is the practice with many.”*

Dengan kepercayaan ini Islam turut menerima padahnya sehingga ke hari ini. Apatah lagi Islam merupakan suatu sistem hidup yang menawarkan kehidupan yang komprehensif dan inklusif kepada semua umat manusia – suatu kepercayaan beragama yang sangat bertentangan dengan makna agama (*religion*) yang sempit seperti yang difahami Barat.

Fenomena yang diuraikan di atas menjelaskan mengapa sehingga ke hari ini “.. *Western tolerance and compassion ends when it comes to Islam. The Islam as perceived*

---

<sup>27</sup> *Ibid.*, hlm. 3. Juga lihat Ahmad Shah Mohd. Noor, “Peradaban Barat dan Kelemahan-kelemahannya” dlm. *Tamadun Islam : Asas Penyelesaian Masalah Manusia*, Md. Akhir Hj. Yaacob, ed. (Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah, 1987), hlm. 26. ‘Dosa’ gereja telah menjadi ‘dosa asli’ yang diwariskan kepada semua agama lain. Justeru itu, jiwa peradaban Barat mengandungi semangat memberontak terhadap sebarang agama.

*by most westerners is not Islam, but an accumulation of fairy tales from the Middle Ages about Islam and Muslims.”*<sup>28</sup>

Penemuan yang sama dan lebih komprehensif cakupannya mengenai sikap Barat terhadap Islam ini juga didedahkan melalui sebuah laporan hasil penganjuran sebuah bengkel antarabangsa yang bertemakan *Terrorising the Truth: The Shaping of Contemporary Images of Islam and Muslims in Media, Politics and Culture*. Bengkel anjuran Just World Trust (JUST) pada 7 – 9 Oktober, 1995 ini telah berjaya mengumpulkan para sarjana dan penyelidik tempatan dan antarabangsa bagi berkongsi fakta tentang usaha terancang Barat untuk memberikan imej hitam ke atas Islam dan apa sahaja yang berkaitan dengannya.

Jenayah akademik Barat ini yang telah berlangsung sekian lama, khususnya setelah disiplin orientalisme diasaskan, benar-benar membentuk pemikiran dan juga ke tahap melahirkan kepercayaan bahawa Islam adalah suatu anutan usang dan songsang yang tidak sesuai dengan dunia moden hari ini. Tulisan Ward Churchill bertajuk *White Studies: The Intellectual Imperialism of Higher Education* menjelaskan dengan panjang lebar mengenai prinsip dan perancangan Barat untuk ‘mentamadunkan’ kaum natif bukan-Barat mengikut atau lebih tepat lagi tunduk kepada cara pendidikan mengikut acuan Barat iaitu dengan memberi pendidikan menggunakan kaca mata Barat. Kaedah ini dilaksanakan agar kaum Barat, sebagai penjajah, dapat memperkukuhkan lagi hegemoni mereka ke atas kaum yang dijajah. Seperti yang dinyatakan oleh Vine Deloria Jr.:

---

<sup>28</sup> Abdullah Y.Zalloum. *The Religion of Islam*, hlm. 389

*“Therein lies the meaning of the white’s fantasy about Indians – the problems of the Indian image. Underneath all the conflicting images of Indian one fundamental truth emerges – the white man knows that he is an alien and he knows that North America is Indian – and he will never let go of Indian image because he thinks that by some clever manipulation he can achieve an authenticity that cannot ever be his.”<sup>29</sup>*

Hal yang sama juga telah berlaku ke atas umat Islam yang dijajah kuasa Barat. Wajarlah sehingga ke hari ini Islam dan umatnya sering menjadi mangsa keadaan. Malangnya, walaupun usaha-usaha telah dibuat untuk mengikis dan memperbetul pemikiran dan kepercayaan serong terhadap Islam, namun hasilnya masih di tahap rendah kerana kerajaan Barat masih dikuasai mereka yang tidak berpedoman dan beragama dalam pengertian yang sebenarnya.

### **3.4 Punca Hubungan Konflik Islam dengan Barat dalam Konteks Semasa**

Bagi menjelaskan punca hubungan semasa yang tegang hari ini antara Islam dengan Barat khususnya Amerika Syarikat, Amin Saikal menjelaskan ada tiga isu besar yang telah mendorongnya.<sup>30</sup> Pertama ialah kesan Revolusi Iran 1978-79. Peristiwa penggulingan kuasa tanpa berdarah ini telah menyingkirkan boneka Barat iaitu Shah Iran atau Mohammed Reza Shah dari tampuk kuasa politik Iran yang telah bertapak sekian lama. Penggantinya Ayotullah Ruhollah Khomeini – ulama syiah yang cukup

---

<sup>29</sup> Ward Churcill, *White Studies: The Intellectual Imperialism of Higher Education* (Penang: Citizens International, 2002), hlm. 21

<sup>30</sup> Lihat Amin Saikal, huraian panjang lebar mengenai ketiga-tiga faktor ini boleh diperolehi di hlm. 69-110

berpengaruh dan tinggal dalam buangan di Perancis sebelum itu – telah mengasaskan sebuah regim Islam anti-Amerika yang kuat dan telah mempengaruhi kebanyakan gerakan Islam sedunia. Peristiwa ini cukup penting kerana ia membentuk persepsi Islam radikal ke atas sebuah kerajaan Islam (Syiah).

Kedua ialah masalah rakyat Islam Palestin. Isu ini yang menerima momentum kuat berikutan *intifadha* pada 1989 telah terus memuncak sehinggalah ke hari ini. Peranan Amerika Syarikat yang berada di belakang tindak tanduk regim Zionis Israel dilihat sebagai sokongan bulat dan berterusan pihak Barat ke atas pendudukan haram Israel di Palestin sejak 1948 lagi.

Ketiga ialah isu konflik Afghanistan. Konflik yang tercetus selepas kejatuhan regim Najibullah selaku boneka Rusia dan kekalahan tentera Rusia di tangan mujahidin Afghanistan pada tahun 1990 sebenarnya mempunyai perkaitan rapat dengan percaturan dan strategi campurtangan (dasar luar) Amerika Syarikat dalam menangani perebakan dan perluasan kuasa komunis yang diterajui Rusia. Pendekatan Amerika Syarikat ini dikatakan telah menyumbang kepada kewujudan perseteruan di kalangan pelbagai puak di Afghanistan dan juga kelahiran kuasa Taliban. Peristiwa di bumi Afghanistan ini dikatakan telah membawa kepada perebakan fenomena terrorisme terancang antarabangsa apabila World Trade Center di New York dan Pentagon di Washington diserang menggunakan kapal terbang penumpang pada 11 September 2001 oleh militan al-Qaeda yang mendapat perlindungan oleh Taliban di Afghanistan.

Ketiga-tiga faktor ini telah memperkuat kesan kumulatif penjajahan Eropah dan penembusan global pasca-perang Amerika Syarikat ke atas dunia Islam. Natiujahnya ialah perseteruan antara dua pihak ini semakin tajam dan membentuk persepsi antara satu sama lain.<sup>31</sup> Bagi Barat dan Amerika Syarikat khususnya, sebagai kuasa tunggal dunia kini, memainkan peranannya memperkotak-katikkan politik dunia Islam dalam peta politik dunia mengikut kehendak mereka. Sementara Islam di pihak defensif terus menjadi mangsa kuasa Barat lantaran dunia Islam keseluruhannya masih gagal bersatu di bawah panji-panji OIC, Liga Arab dan sebagainya. Justeru, kehinaan yang tertimpa ke atas umat Islam ini telah ditebus atau sedang ditebus oleh kumpulan-kumpulan Islam minoriti, atas nama jihad, dengan melakukan aksi-aksi terror ke atas tempat yang mempunyai kepentingan Barat seperti di Bali Indonesia dan Riyadh Arab Saudi.

Namun satu kajian yang lebih mendalam mendapati bahawa konflik Barat dengan Islam hari ini sebenarnya adalah kerana percaturan politik Israel untuk memenuhi strategi keselamatan bagi kelangsungan kewujudannya di Timur Tengah.<sup>32</sup> Harun Yahya mendedahkan bahawa Amerika Syarikat bukanlah watak utama dalam isu konflik ini sebaliknya ialah Israel yang bertanggungjawab mengarahkan serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq. Berselindung di sebalik kepercayaan popular bahawa peperangan ini adalah peperangan menentang keganasan, perancangan dibuat bagi menyerang Iraq adalah

---

<sup>31</sup> *Ibid.*, hlm. 69

<sup>32</sup> Harun Yahya, "Behind the Scenes of the Iraq War" dalam *Al-Nahdah*, Volume. 22 No. 2, May-August 2003. Lihat juga *Orang Minyak and th Invasion of Iraq: UN's Failure and US Hegemony* (Kuala Lumpur: Society for Christian Reflection, 2003). Bagi mendapatkan gambaran menyeluruh tentang kaitan Israel dan gerakan Zionisme lihat tulisan Mohd Hanif Ismail, *Gerakan Zionisme Mengancam Umat Islam* (Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada, 2004). Kupasan yang lebih mendalam dan detil mengenai peranan Yahudi dengan gerakan sulit Illuminati untuk mewujudkan Tatacara Baru Dunia boleh diperolehi daripada karya David Allen Rivera, *The New World Order Exposed: A Chilling Historical Inquiry Into The Invisible, All-Powerful Force Ruling the World!* (Batu Caves, Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.)

sebahagian daripada *Project for The New American Century* (PNAC) yang merupakan plan yang digubal oleh Rumsfeld, Dick Cheney dan sekumpulan idealog neo-konservatif serta dibantu oleh strategis Israel. Di samping niat untuk menguasai sumber minyak dunia di Iraq dan Timur Tengah umumnya, dorongan sebenar ialah untuk menghapuskan ancaman Iraq dan memberi mesej kepada Palestin untuk memeterai perjanjian damai yang memihak kepada Israel. Sebagai pihak di belakang tabir, Israel mempercaturkan politik dunia agar ia dapat mencapai objektif rahsianya iaitu “*Secret World Domination*”. Melalui kerja lobinya dalam sistem politik Amerika Syarikat, Israel akan memastikan agar semua tindak tanduk Amerika Syarikat adalah untuk memenuhi kepentingan Israel atas nama kepentingan Amerika Syarikat.

### 3.5 Hakikat Perseteruan Sebenar

Jika diselidiki dengan mendalam kita boleh menyimpulkan bahawa Amerika Syarikat sebenarnya bukanlah sebuah kuasa dunia yang jujur dan ikhlas dalam tindak tanduknya memerangi keganasan yang kononnya didalangi fundamentalis Islam. Sebaliknya ia terlibat secara langsung dan tidak langsung mempercaturkan politik dunia agar semua kerajaan tunduk dan memihak kepada kepentingannya. Sebagai kuasa besar tunggal ketika ini, tindakannya banyak berselindung atas nama keamanan sejagat. Dalam hal ini Amin Saikal menegaskan :<sup>33</sup>

*“The USA also decided to take no account of whether a regime was democratic or dictatorial and respected or violated human rights, as*

---

<sup>33</sup> Amin Saikal, hlm. 11

*long as it was prepared to take side with the USA in its hour of need. Washington held out the promise of substantial rewards for those states that shared its approach, and of isolation and castigation for those that failed to come aboard. The approach was initially successful, as no state wanted to be identified with international terrorism. It enabled USA to build a broad coalition, including not only all its European allies, Japan, Australia and New Zealand, but also a number of key Muslim states – most importantly Pakistan (hitherto the main sponsor of the Taliban and the latter's alliance with Al Qaeda), Egypt, all the Gulf Arab states, and Indonesia, Russia, China and India. Even the USA's traditional enemy, the Islamic Republic of Iran, acquiesced to its request for cooperation.”*

Mengamati kes-kes ini penulis berpendapat bahawa mana-mana negara boleh menjadi seteru atau kawan rapat Amerika Syarikat – sama ada dari lingkungan peradaban yang sama atau sebaliknya – bergantung kepada polisi dan sikap yang diambil oleh negara berkenaan terhadap plan ekonomi dan politik yang ditaja atau ditawarkan AS. Seperti seni pembikinan filem di Hollywood, AS sangat berkebolehan untuk mencipta bukti, bahkan kebenaran itu sendiri demi pengekal dan pengukuhan pengaruh dan kekuasaannya terus berlangsung sebagai kuasa unipolar dunia. Dasar hegemoni<sup>34</sup> inilah yang sentiasa mendorong Amerika Syarikat untuk bertindak dengan prinsip Machiavelli iaitu ‘matlamat menghalalkan cara’. Jika terpaksa ia akan bertindak secara unilaterisme walaupun membelakangkan resolusi PBB. Kes di Iraq jelas menonjolkan sikap Amerika Syarikat ini. Sejarah silam dan yang sedang dilakar sekarang menjadi hujah bahawa kuasa Barat memang jelas tergamak melakukan jenayah peradaban ini.

---

<sup>34</sup> Lihat tulisan Michael Micher, *A Rationale for American Hegemony*. dlm laman web Jihadunspun. ([www.jihadunspun.net/articles/26102003-rational.american.hegemony/JUSRAH.html](http://www.jihadunspun.net/articles/26102003-rational.american.hegemony/JUSRAH.html))